

Terima RM200,000 selepas mendapat markah tertinggi SPB-PBT

# MBI paling cemerlang pada 2016

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

**POH** – Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) buat julung-julung kalinya diumumkan sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di negara ini selepas mendapat markah tertinggi dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada tahun lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, pencapaian MBI itu sekali gus mengetepikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Jelasnya, MBI menunjukkan lonjakan prestasi daripada penarafan tiga bintang pada tahun 2010 (70 peratus) kepada lima bintang (97.45 peratus) pada tahun lalu.

“Sistem penarafan ini bermula pada tahun 2008 dan kita membuat penilaian terhadap kira-kira 149 PBT di seluruh negara dengan melibatkan sebanyak 354

kriteria yang diambil kira.

“Daripada jumlah tersebut, hanya 41 buah PBT memperoleh penarafan lima bintang dengan markah 90 peratus ke atas,” katanya.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan majlis penyerahan watak pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Sesi 2017-2019 dan penganugerahan penarafan bintang PBT 2016 di Ipoh Convention Centre (ICC) di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Rusnah Kassim dan Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man.

Pada majlis tersebut, Noh turut menyampaikan replika cek bernilai RM200,000 kepada MBI sempena pengiktirafan tersebut selain menyampaikan watak pelantikan kepada 490



NOH (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Zamri (dua dari kanan) pada majlis penyerahan watak pelantikan JPP di Ipoh semalam.

individu sekali gus melengkapkan keanggotaan sepenuhnya JPP di negeri ini.

Selain MBI, lapan PBT lain di negeri ini turut menerima pengiktirafan lima bintang iaitu Majlis Perbandaran Manjung,

Majlis Daerah Batu Gajah, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Daerah Kampar, Majlis Daerah Kerian, Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar.